

INSTITUTIONALIZATION OF SYAFIE'S MADZHAB FATWA TO ENSURE THE WELL BEINGS OF ISLAMIC PRACTICES AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN KEDAH

PENGINSTITUSIAN FATWA MAZHAB SYAFIE BAGI MENJAGA KEMASLAHATAN AMALAN MASYARAKAT ISLAM DI KEDAH

Mohd Hambali Rashidiⁱ, Kamarudin Ahmadⁱⁱ & Shukri Ahmadⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia. mhambali.kl@utm.my

ⁱⁱ Prof. Madya, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah Universiti Utara Malaysia (UUM). kama@uum.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah Universiti Utara Malaysia. shuk494@uum.edu.my

Abstract	<i>Islam is a universal and growing religion and is accepted throughout the world because of its universality. As a result of the universality, Islam goes through various discoveries and events. The consequence of each discovery or new event requires a solution from the Islamic legal point. The fatwa institution is the official organization acting on the law for any question involving the Muslim community. In the state of Kedah, fatwa institution plays the role in helping the Muslim community to understand and address every issue arising from the perspective of Islam. Hence, the objective of this article is to examine the process of fatwa production in the state of Kedah in creating unity of views among the Muslim community, for example the use of Syafie School of Islamic Law in the course of fatwa. This is a library research and in this study, only references related to fatwas and materials issued by mufti offices are used. Based on the result of research from the data obtained either from the point of forming fatwa or fatwa writing, it shows that the fatwa organization plays a role in shaping the unity of Muslims through the fatwa issued. The findings show that almost all the fatwas issued are prioritizing the use of the Syafie School. Thus, it consecutively unites the Muslims from the aspect of practices as well as to the thinking of an issue that arises.</i> Keywords: Kedah, Syafie, fatwa, institution, school.
Abstrak	<i>Islam merupakan agama yang bersifat sejagat dan berkembang serta diterima di seluruh pelusok dunia adalah kerana kesejagatannya. Hasil dari sejagatnya itu ia menempuh dan melalui pelbagai penemuan dan peristiwa baru. Natijahnya setiap penemuan atau peristiwa baru itu memerlukan penyelesaian dari sudut hukum syarak. Institusi fatwa adalah organisasi rasmi yang bertindak mencari hukum ke atas setiap persoalan yang melibatkan masyarakat Islam. Di negeri Kedah, institusi fatwa berperanan membantu masyarakat Islam memahami dan mengatasi setiap persoalan yang timbul dari sudut kacamata Islam. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk meneliti proses pengeluaran fatwa di negeri Kedah dalam mewujudkan kesatuan pandangan dalam kalangan masyarakat Islam, umpamanya pemakaian mazhab Shafie dalam urusan fatwa. Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan dan dalam kajian ini hanya bahan rujukan berkaitan dengan</i>

	<i>fatwa dan bahan yang dikeluarkan oleh pejabat mufti sahaja digunakan. Berdasarkan kepada hasil kajian dari data yang diperolehi samada dari sudut kaedah pembentukan fatwa mahupun penulisan fatwa itu sendiri memperlihatkan bahawa organisasi fatwa berperanan dalam membentuk perpaduan umat Islam melalui fatwa yang dikeluarkan. Dapatan menunjukkan hampir keseluruhan fatwa yang dikeluarkan adalah mengutamakan pemakaian mazhab Shafie. Ini sekaligus dapat meyatukan umat Islam dari sudut amalan dan juga pemikiran terhadap sesuatu isu yang timbul.</i> Kata kunci: <i>Kedah, Syafie, fatwa, institusi, mazhab.</i>
--	---

PENDAHULUAN

Sejarah menunjukkan Tanah Melayu merupakan antara kawasan terawal menerima kedatangan Islam di rantau ini (Abu Bakar, 1986) dan mula tersebar sekitar abad ke-13 Masihi serta berkembang dengan pesatnya dalam abad ke-15 Masihi. Penyebaran, pengaruh mazhab Syafie dan pengislaman komuniti kebanyakannya disebarkan oleh pendakwah yang berwibawa dan ahli sufi keturunan Arab (Abdul Rahman Abdullah, 2000). Terdapat sejarawan Barat yang mengatakan bahawa mazhab Syafie merupakan satu-satu mazhab yang paling dominan dalam pengajian fiqh di Nusantara (John Crawford, 1877).

Agama Islam adalah agama rasmi Persekutuan (Perkara 3). Selaras dengan itu Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam diwujudkan bertujuan untuk menguruskan urusan agama Islam. Selangor adalah negeri pertama yang mewujudkan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak (1952) diikuti oleh negeri lain termasuk negeri Kedah (1962). Enakmen ini juga melibatkan peruntukan berkenaan urusan mufti dan fatwa.

Oleh itu objektif artikel ini adalah untuk mengkaji pemakaian mazhab Syafie dalam proses pengeluaran fatwa di negeri Kedah. Metode kajian ini berbentuk kajian perpustakaan yang tidak melibatkan aktiviti lapangan. Kajian ini bergantung kepada bahan rujukan di perpustakaan dan bahan bercetak yang dikeluarkan oleh pejabat Mufti sahaja.

KEDUDUKAN FATWA DI MALAYSIA

Fatwa merupakan urusan pentadbiran hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ia termaktub dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Sesuatu fatwa hanya layak dikeluarkan oleh mufti dan perlantikannya dilakukan oleh Sultan. Mufti pula dibantu oleh satu jawatankuasa yang dilantik¹. Secara umum, urusan fatwa berbeza di antara negeri-negeri. Selepas kemerdekaan, institusi fatwa diletakkan di bawah Jabatan Agama Islam. Ketika ini, belum wujud satu jabatan khusus berkaitan pentadbiran fatwa. Jabatan Mufti dipisahkan dengan pentadbiran Jabatan Agama Islam bermula pada tahun 1992. Undang-undang Islam yang dipakai adalah berdasarkan mazhab Syafie merangkumi juga urusan pengeluaran fatwa (Wu Min Aun, 1999).

Perlembagaan Kedah menyatakan Sultan menjadi ketua agama Islam dan bertanggungjawab secara langsung mengenai hal ehwal agama Islam. Dalam urusan pentadbiran agama, ditubuhkan Majlis Agama Islam Kedah untuk membantu Sultan. Manakala Pejabat Mufti untuk mentadbir urusan yang berkaitan dengan permasalahan fatwa. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah menyebutkan dalam Perkara 33(b): *Raja adalah menjadi Ketua Ugama Negeri; dan Majlis Ugama Islam, yang ditubuhkan menurut Undang-Undang Negeri yang wujud sekarang ini hendaklah juga menulung dan menasihati Raja menurut Undang-Undang yang tersebut itu.*

¹ Hampir setiap negeri di Malaysia mempunyai jawatankuasa fatwa contohnya, Jawatankuasa Fatwa Kedah, Jama'ah Fatwa di Kelantan, Jawatankuasa Syariah di Melaka dan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak di Wilayah Persekutuan, Pahang dan Selangor.

KEDUDUKAN MAZHAB SYAFIE

Secara amnya kedudukan mazhab Syafie diperkukuhkan melalui peruntukan undang-undang yang terdapat dalam enakmen negeri dimana pihak berkuasa fatwa telah mengambil langkah dengan lebih jelas iaitu menerima pakai mazhab Syafie dalam fatwa mereka. Sebagai contoh peruntukan menyatakan bahawa sebarang persoalan hendaklah diselesaikan berdasarkan pendapat muktamad mazhab Syafie. Enakmen No. 6, Seksyen 26(1) memperuntukan:

Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie berlandaskan al-Quran, Hadis, Ijma' Ulamak dan Qiyas.

Pengecualian berlaku jika mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad mazhab Syafie akan berlawanan dengan kepentingan awam, mufti boleh beramal dengan qaul daripada mazhab lain dengan restu daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Malahan jika Mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka mufti boleh menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu. Walaupun Mufti dan Jawatankuasa Fatwa mengeluarkan fatwa berdasarkan pertimbangan mazhab Syafie namun terdapat juga beberapa fatwa yang diasaskan pada mazhab lain. Ini adalah kerana keterikatan kepada mazhab ditinggalkan apabila ia dilihat bertentangan dengan masalah atau kepentingan umum (Noor Naemah, Abdul Karim & Ridzwan, 2004).

Hakikatnya keutamaan pemakaian mazhab Syafie dalam urusan fatwa berbanding dengan mazhab lain tidak perlu dipertikaikan lagi. Satu-satunya perkara yang diambil kira untuk menerima pakai mazhab selain Syafie ialah kepentingan awam dan demi menjaga kemaslahatan keharmonian hidup beragama. Kaedah penyeragaman ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak agar keharmonian hidup masyarakat Islam tidak tergugat dengan pendapat lain dari mazhab Syafie yang tidak perlu diketengahkan untuk masyarakat awam.

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Dalam menjalankan tugas sebagai ketua agama Islam, raja-raja dibantu dan dinasihati oleh Majlis Agama Islam dalam semua perkara berkaitan agama Islam kecuali melibatkan hukum syarak. Dalam hal ini, Raja dibantu dan dinasihati oleh mufti negeri (Enakmen No. 6 tahun 2008, Seksyen 7(1)). Agama Islam adalah agama rasmi negeri Kedah (perkara 33(a)), dan bagi melaksanakan kuasa dan tanggungjawab itu, maka diwujudkan Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Kedah (1962). Berdasarkan Perkara 33(b) pula Kerajaan Negeri hendaklah menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam yang berfungsi membantu dan menasihati Sultan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam di negeri Kedah seperti mana yang disebutkan dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Kedah 1962 Seksyen 4.

Bagi menjalankan polisi Majlis pula, maka telah ditubuhkan Jabatan Agama Islam Negeri yang berfungsi mentadbir dan menyelesaikan perkara berkaitan dengan ajaran Islam. Walaupun Majlis hanyalah merupakan badan penasihat kepada Sultan tetapi Majlis sebenarnya bertindak sebagai pihak berkuasa tertinggi dalam bidang agama. Majlis memberi nasihat kepada Sultan dalam urusan pentadbiran agama Islam termasuklah urusan fatwa (Sharifah Zaleha, 1997). Setelah berlaku pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam di negeri-negeri, urusan berkenaan fatwa diletakkan secara khusus di bawah Jabatan Mufti negeri.

PERKEMBANGAN INSTITUSI FATWA DI NEGERI KEDAH

Fatwa bermula ketika Islam dibawa ke negeri Kedah oleh seorang ulama Arab, bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Qumairi dan rakan-rakannya pada masa pemerintahan

Maharaja Derbar Raja II (1136). Beliau telah mengislamkan sultan dan rakyat. Pengislaman ini merupakan bibit-bibit penting ke arah pelaksanaan syariat Islam dan penubuhan institusi fatwa di negeri Kedah. Sultan telah melantik mereka menjadi penasihat dalam pelbagai urusan agama. Catatan paling awal yang dapat dikesan berkaitan dengan fatwa berlaku pada zaman Sultan Muhammad Jiwa (1710-1778). Beliau mengadakan peraturan dan undang-undang termasuk hukum syarak. Satu Jabatan Mufti telah diadakan diketuai oleh Syeikh Abdul Jalil (Buyung Adil, 1980) dan kemudian anaknya pula, Syeikh Abdul Kadir sebagai mufti (Mohd Shaghir, 1983). Ketika zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarrom Shah (1854-1879), jawatan mufti terdapat dalam struktur pentadbiran agama Islam seperti yang disebut dalam Jurnal Peranan dan Kemajuan Majlis Agama Islam Kedah (1963-1993):

Adapun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu menjadi Hakim yang menghukum segala orang-orang isi negeri itu dan Tuan Besar Haji Zain ditetapkan menjadi Kadi dikapit oleh Imam Besar Tuan Haji Mat Jaafar dengan Tuan Syeikh Ali dan yang menjadi mufti ialah Tuan Muhammad Taib bin Ismail.

Semasa zaman Sultan Abdul Hamid (1879-1943) institusi fatwa terletak di bawah satu organisasi Pejabat Agama Islam Negeri yang ditubuhkan di Limbung Kapal, Alor Setar (Osman Ishak, 1981), diketuai oleh 'Syeikhul Islam'. Terdapat tiga orang ulama telah dilantik iaitu Syeikh Muhammad Khayyat (1901-1903), Syed Abdullah Dahlan (1904), dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek (1905-1935) (Osman Ishak, 1981). Jawatan ini dibantu oleh seorang Kadi Besar. Pentadbiran agama dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian Pentadbiran Am Urusan Hal Ehwal Agama Islam dan bahagian Syariah. Pada tahun 1935, jawatan Syeikhul Islam digantikan oleh Majma' Syaikhul Islam. Gelaran ini telah digunakan bermula pada tahun 1936 sehingga 1964. Ia dianggotai oleh Kadi Besar Sheikh Ahmad Wakas (pengerusi) dan dua ahli yang dilantik bertujuan melicinkan lagi pentadbiran agama Islam iaitu Haji Abdul Ghani dan Sheikh Mahmud bin Mohd Noh. Seterusnya diikuti oleh Sheikh Mahmud bin Mohd Noh (pengerusi) dan Haji Abdul Rahman bin Abdul Latiff adalah pengerusi Majma' Syeikhul Islam yang terakhir (Osman Ishak, 1981).

Majma' ini ditamatkan fungsinya apabila Majlis Agama Islam Kedah ditubuhkan pada tahun 1948. Tujuan Majlis ialah menasihati Sultan mengenai hal agama Islam (Osman Ishak, 1981). Seterusnya, diperkenalkan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam No. 9, 1962 menggantikan Enakmen 1948 di mana urusan fatwa diletakkan di bawah Jawatankuasa Fatwa (Enakmen Kedah, Seksyen 35-38).

Perubahan besar berlaku apabila segala urusan fatwa diletakkan di bawah Pejabat Mufti Negeri Kedah Darulaman ditubuhkan mengikut waran perjawatan negeri Kedah Bil 3/1998 yang berasingkan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah. Seterusnya pada 20 Februari 2008, telah diperuntukan Enakmen No. 6 yang dinamakan Enakmen Mufti dan Fatwa. Enakmen ini berkaitan dengan segala urusan yang melibatkan fatwa dan mufti serta ditubuhkan dengan objektif menjadi tempat rujukan yang utama bagi melahirkan sebuah masyarakat Islam yang berilmu dan berwibawa serta untuk memahami masyarakat Islam tentang hukum-hukum Islam.

PERANAN DAN BIDANG KUASA MUFTI

Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual Kesembilan, Senarai Negeri meletakkan peranan dan bidang kuasa mufti terikat dengan enakmen-enakmen dan undang-undang pentadbiran Islam yang berkuat kuasa dalam sesebuah negeri. Di negeri Kedah, Enakmen no. 6 2008 memperincikan peranan dan kuasa mufti dalam melaksanakan tugasnya. Ketika mengeluarkan fatwa, mufti dibantu oleh satu Jawatankuasa Fatwa (Seksyen 8(2)). Enakmen 2008 perkara 11(1) memperuntukan Jawatankuasa Fatwa hendaklah terdiri daripada:

- a) Mufti sebagai pengerusi.
- b) Timbalan mufti sebagai ahli.

- c) Tiga orang anggota Majlis, dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada enam orang lain, yang layak dan sesuai dilantik oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat mufti.

Selain mengeluarkan fatwa, mufti juga bertanggungjawab kepada DYMM Sultan berkaitan hukum syarak. Peruntukan *Seksyen 7 (1)* menyebut:

Mufti hendaklah membantu dan menasihati Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan semua perkara hukum syarak dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di negeri Kedah Darul Aman selepas Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukan selainnya dalam enakmen ini.


PROSEDUR PENGELUARAN FATWA

Sebarang persoalan hukum hendaklah diajukan terus kepada mufti. Mufti dan Jawatankuasa Fatwa berhak untuk mengeluarkan fatwa sama ada atas daya usahanya atau atas titah perintah Ke bawah DYMM Sultan (*Seksyen 19(1)(a)(b)*). Peruntukan menyebutkan, fatwa boleh dikeluarkan apabila ada permohonan secara bertulis kepada mufti (*Seksyen 19(c)*). Permohonan boleh dibuat melalui surat, telefon, faks atau berjumpa terus dengan Pejabat Mufti. Tidak semua permohonan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Permohonan akan ditolak sekiranya ia tidak memberi manfaat. Permohonan yang dikira sesuai, mufti boleh mengarahkan suatu penyelidikan dijalankan oleh pegawai penyelidik dan satu kertas kerja disediakan (*seksyen 21(1)*) yang meliputi segala butiran yang perlu seperti dalil-dalil dan rujukan untuk dibincangkan.

Kebiasaannya, pegawai penyelidik menyediakan kertas kerja dan dibantu oleh penolong pegawai penyelidik ataupun dengan bantuan pihak luar seperti pandangan pakar ekonomi atau pakar kesihatan dalam memberikan maklumat tambahan yang diperlukan. Apabila sesuatu fatwa diwartakan, maka ia mengikat masyarakat Islam di negeri Kedah. Kegagalan mentaatinya boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil. Sebelum diwartakan, fatwa tersebut akan diteliti oleh Penasihat Undang-Undang Negeri untuk memastikan bahasa yang digunakan adalah bahasa undang-undang. Setelah itu, ia akan disemak semula oleh mufti sebelum dihantar ke Setia Usaha Kerajaan bahagian Pentadbiran untuk diwartakan.


ANALISA STATISTIK FATWA

Umumnya di Malaysia, keputusan fatwa dapat dikategorikan dalam tiga bentuk, pertama, fatwa yang diwartakan; kedua, jawapan fatwa yang diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa fatwa dan ketiga, fatwa yang dikeluarkan oleh mufti secara persendirian berbentuk lisan dan tulisan. Hanya kategori pertama sahaja yang mengikat dan mempunyai implikasi undang-undang. Kertas kerja ini akan hanya melihat empat buah buku himpunan fatwa yang dihasilkan oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah. Hasil kajian mengenai jumlah fatwa yang ditulis oleh Jabatan Mufti dalam koleksi himpunan fatwa adalah seperti berikut:



Rajah 1: Bilangan Fatwa Mengikut Jilid Himpunan Fatwa

Keseluruhannya, terdapat sebanyak 566 fatwa telah ditulis oleh Pejabat Mufti dalam empat himpunan fatwanya. Berdasarkan kepada analisis deskriptif yang dijalankan melalui rajah 1 menunjukkan wujud perbezaan jumlah yang agak ketara. Jilid 1 sahaja sebanyak 351 (62.01%) fatwa dikeluarkan. Jilid 2 sebanyak 83 (14.31%) fatwa dikeluarkan, jilid 3 sebanyak 78 (13.96%) dikeluarkan. Manakala jilid 4 pula terdapat hanya 54 (9.72%). Keadaan ini berlaku kerana jilid-jilid ini mewakili fatwa-fatwa untuk beberapa tahun yang berbeza. Jilid 1 bermula dari tahun 1964–1993, jilid 2 dari 1994–2002, jilid 3 dari 2003–2008 dan yang terakhir dari 2008–2009.



Rajah 2: Kategori Fatwa Mengikut Kesesuaian Masalah

Secara keseluruhannya fatwa-fatwa ini telah dikategorikan kepada lima bidang. Pertama, tauhid mengandungi 7.95% (45) fatwa. Kedua, ibadat, 39.40% (223) fatwa. Ketiga, munakahat sebanyak 8.48% (48) fatwa, keempat, muamalat sebanyak 7.95% (45) dan kelima, kategori umum sebanyak 36.22% (205) fatwa. Rajah 2 di atas jelas memaparkan bahawa fatwa berkaitan ibadat adalah merupakan jumlah terbanyak yang dikeluarkan berbanding dengan fatwa-fatwa yang lain. Ia mewakili hampir separuh (39.40%) daripada fatwa-fatwa dalam kategori yang lain. Keadaan ini menggambarkan

keperihatinan masyarakat Islam terhadap ibadat yang mereka laksanakan. Apatah lagi ibadat merupakan asas terpenting dalam kehidupan umat Islam demi menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat. Kebimbangan masyarakat terhadap amalan yang mereka lakukan menyebabkan banyak persoalan diajukan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa.

PERBINCANGAN MENGENAI KAEDAH PENETAPAN FATWA DI NEGERI KEDAH

Pada zaman moden ini umat Islam sentiasa berhadapan dengan pelbagai persoalan baru. Oleh itu, usaha menetapkan hukum perlu diteruskan. Setiap hukum atau fatwa hendaklah berdasarkan kekuatan istinbat (Saedon, 1996). Enakmen No.6, seksyen 26(1) memperuntukan garis panduan dalam berfatwa. Umpamanya pemakaian mazhab tertentu. Peruntukan menyatakan sebarang persoalan hendaklah diselesaikan berdasarkan pendapat mazhab Syafie.

Dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 25 Jawatankuasa fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut qaul muktamad Mazhab Syafi'i berlandaskan al-Quran, Hadis, Ijma' Ulama dan Qiyas.

Secara amnya, mazhab Syafie adalah rujukan utama dalam menetapkan fatwa. Ia bertujuan mengelakkan percanggahan pendapat dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat (Alias, 2001). Keadaan ini sekali gus boleh mewujudkan kesatuan amalan dan fikiran dalam kalangan masyarakat seterusnya dapat mengelakkan perpecahan. Namun, jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa *qaul muktamad* dari Mazhab Syafie boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, pihak Jawatankuasa Fatwa bolehlah dengan keizinan daripada DYMM Sultan mengikut *qaul muktamad* dari Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali. Seksyen 26 (2) menyebutkan:

Jika Jawatankuasa fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafi'i suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali setelah mendapat perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Peruntukan ini jelas menggambarkan bahawa tidak terdapat kekangan untuk menerima pandangan yang sesuai dan munasabah demi kemaslahatan masyarakat walaupun di luar daripada qaul muktamad Syafie. Kajian teks mendapati pendapat mazhab lain diambil sekiranya ia bersesuaian dengan keadaan semasa dan keperluan tertentu. Terutamanya pandangan daripada mazhab Hanafi, contohnya dalam persoalan zakat fitrah disebutkan 'harus dibayar fitrah dengan wang bertaklidkan kepada mazhab Hanafi' dan sekarang ini telah menjadi amalan kebanyakan kaum Muslimin di seluruh negara.

Termasuk juga hukum memakan binatang buruan yang dibunuh menggunakan senjata api yang berdasarkan mazhab Hanafi. Pandangan daripada mazhab Hanafi merupakan pilihan Jawatankuasa Fatwa, contohnya hukum binatang buruan dengan pistol atau senapang. Jawatankuasa Fatwa setelah meneliti dan mengambil kira keadaan masa kini di mana pemburu-pemburu kebanyakannya berburu selain daripada menggunakan binatang seperti burung adalah dengan menggunakan senjata api kerana zaman ini bukan lagi zaman tombak atau lembing atau seumpamanya, bersetuju mengambil keputusan bahawa harus berburu dengan senjata api dan bahawa binatang buruan yang mati dengan senjata api halal dimakan dengan syarat pemburu itu seorang Muslim atau Kitabi, mumaiyyiz yang berakal, qasad memburu dan menghalal binatang buruan itu dan menyebut nama Allah ketika melepaskan tembakan.

Keputusan ini berdasarkan pandangan ulama Hanafi yang menyebutkan halal memakan binatang buruan yang diburu dengan senjata api yang berpeluru dari jenis logam seperti besi atau timah seperti senapang yang digunakan pada masa kini, jika ada tahqiq bahawa matinya itu adalah dengan sebab luka bukan sebab kederasan peluru itu. Manakala pandangan ulama Syafie menyebutkan binatang buruan yang ditembak dengan senjata api tiada halal dimakan kerana senjata api bukan daripada jenis senjata yang tajam

yang melukakan sekalipun ia meluka dan menembuskan tetapi luka dan tembusan itu dengan sebab kekuatan bukan dengan kerana ketajaman. (Lihat buku 2 fatwa no. 7).

Justeru, realitinya fatwa di negeri Kedah tidak bertaqlid kepada mazhab Syafie semata-mata. Kaedah sebegini adalah lebih sesuai kerana ia akan menghasilkan fatwa yang bersesuaian dan menepati kehendak semasa dan tidak *taksub* kepada mazhab tertentu (Wahbah al-Zuhailiyy, 1969). Jika tidak ditemui mana-mana qaul muktamad daripada empat mazhab, maka bolehlah diputuskan mengikut hemat Jawatankuasa Fatwa sendiri (Seksyen 26(3)).

Peruntukan ini memperlihatkan keterbukaan pihak Jawatankuasa Fatwa untuk mengambil pandangan hukum dari mana-mana mazhab Sunni. Bahkan, pandangan selain daripada empat mazhab tersebut juga sehingga sampai kepada *ijtihad* yang lebih luas. Ertinya, Jawatankuasa Fatwa kelihatan bebas menentukan kaedah yang sesuai untuk dipakai bagi menyelesaikan persoalan yang timbul berasaskan keperluan dan kepentingan awam. Apa yang penting dalam usaha mengeluarkan fatwa, pihak yang bertanggungjawab berusaha menjadikan sesuatu fatwa itu boleh mendatangkan manfaat dan maslahat kepada masyarakat umum. Selain itu, masyarakat awam juga tidak dibenarkan mengeluarkan fatwa bertentangan dengan fatwa rasmi.

PENUTUP

Pejabat mufti bertanggungjawab melaksanakan segala urusan fatwa. Setiap permasalahan yang timbul akan dijawab oleh pihak bertanggungjawab berdasarkan kepada yang pertamanya keutamaan hendaklah diberikan kepada mazhab Syafie, kemudian kepada lain-lain mazhab yang dibenarkan setelah mendapat keizinan daripada Sultan.

Berdasarkan perkembangan ini, institusi fatwa bertindak sebagai suatu mekanisme penting dalam menjaga keamanan dan kebajikan masyarakat. Ia juga bertindak sebagai badan penyelarasan dan penyeragaman hukum untuk kepentingan umum serta mewujudkan suasana perpaduan dan kesatuan dalam kehidupan seharian. Malahan ia juga berupaya membentuk satu pemikiran yang sama terhadap sesuatu isu yang timbul dan mengelak daripada berlakunya kontroversi serta polemik yang berpanjangan.

RUJUKAN

- Abu Bakar Abdullah. 1986. *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya*. Kuala Terengganu: Pustaka Damai.
- Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Hidayat Buang. 2004. *Fatwa di Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam.
- Alias Azhar. 2001. *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian dari tahun 1985-1995*: Tesis Sarjana, Fakulti Syariah, Universiti Malaya.
- Buyung Adil. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimi S,Q. 1963. *Islam Comes To Malaysia*. ed. Shirley Gordon. Singapore: Malayan Sociological Research Institute Ltd.
- John Crawford. 1877. *History of The Indian Archipelago*. London: Frank Cass and Co. Ltd., vol. III.
- Jurnal Tahunan Perdana dan Kemajuan (1963-1993) Majlis Agama Islam, Alor Setar Kedah, 1995.
- Mohd Daud Bakar. 1997. *Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam*. Jurnal Syariah, Jld. 5. Bil.1. hlm.1-1.
- Nor Naemah bt. Abd Rahman. 2007. *Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih*. Jurnal Fiqh, bil 4. hlm.85-102.
- Noor Naemah Abd Rahman, Abdul Karim Ali dan Ridzwan Ahmad. 2004. *Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab Syafi'i: Analisis Terhadap Fatwa Fatwa Jemaah Ulama Majlis*

Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 (SUFi 2004) 2004.

Othman Ishak. 1981. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Wu Min Aun. 1999. *The Malaysian Legal System*. Petaling Jaya: Longman.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.